# MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

## MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

## BILANGAN 12 TAHUN 2019

| | | |
|---|---|---|
| **TARIKH** | **:** | **19 DISEMBER 2019 (KHAMIS)** |
| **MASA** | **:** | **9.00 PAGI** |
| **TEMPAT** | **:** | **BILIK CEMPAKA KUNING, MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT** |

**HADIR**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, *S.I.S.,P.P.T.* (Yang Dipertua) | - | Pengerusi |
| 2. | Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.* Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Wong Kim Loon | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Rosdi bin Meor Endut | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Mat Irwan bin Ismail | - | Ahli Majlis |
| 6. | Encik Hamzah bin Abu Bakar | - | Ahli Majlis |
| 7. | Cik Ang Lee Yong | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Ang Eu Liang | - | Ahli Majlis |
| 9. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Teh Eng Teck | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 13. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Munusamy a/l Erishin | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 16. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 17. | Encik Sethupathy a/l Subramaniam | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Baharudin bin Misran, *P.J.K.* | - | Ahli Majlis |
| 19. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 20. | Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam | - | Ahli Majlis |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 21. | Encik Low Kok Hua | - | Ahli Majlis |
| 22. | Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka | - | Ahli Majlis |
| 23. | Encik Yunis Khalis binti Abdul Manap | - | Ahli Majlis |
| 24. | Encik Mohd Yasin bin Alwi, *A.I.S.* | - | Setiausaha |

**TURUT HADIR**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Encik Miskon bin Haji Karim, *A.I.S., P.P.T.* | - | Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan |
| 2. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, *P.J.K.* | - | Pengarah Jabatan Perbendaharaan |
| 3. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, *P.P.T.* | - | Pengarah Jabatan Kejuruteraan |
| 4. | Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, *A.M.S., P.P.T., P.K.T.* | - | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan |
| 5. | Tuan Haji Zailani bin Hashim, *P.P.T., P.K.T.* | - | Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan |
| 6. | Encik Hishamuddin bin Ismail, *P.P.T.* | - | Pengarah Jabatan Pelesenan |
| 7. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran |
| 8. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 9. | Puan Norain binti Mohamed | - | Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat |
| 10. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan Landskap |
| 11. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan Penguatkuasaan |
| 12. | Tuan Haji Fauzi bin Din, *P.J.K.* | - | Ketua Unit Perundangan |
| 13. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit OSC |
| 14. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, *P.P.T.* | - | Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam |
| 15. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni | - | Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 17. | Tuan Haji Ngadni bin Mohamad, P.J.K. | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |
| 18. | Puan Norwani binti Mustapa | - | Wakil Ketua Unit Audit Dalam |

**DIJEMPUT HADIR**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Ir. Abdul Ghani bin Shaaban | - | Terrain Resources |
| 2. | Encik Mohd Zamri | - | Terrain Resources |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
| 2. | Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof | - | Ahli Majlis |

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Puan Nurfadhilah binti Jalaludin | - | Pegawai Tadbir |
| 2. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 4. | Encik Mohd Sahlan bin Tukiran | - | Pembantu Operasi |
| 5. | Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil | - | Pembantu Operasi |

| PERKARA | TAJUK PERKARA | | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 1.0 | **BACAAN DOA** | | |
| | Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan. | | **Makluman** |
| 2.0 | **UCAPAN PENGERUSI** | | |
| | Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut: | | |
| | 2.1 | Mesyuarat MDKL pada hari ini merupakan mesyuarat terakhir bagi tahun 2019. Sepanjang tahun 2019, banyak anugerah telah dikecapi oleh pihak Majlis antaranya "*Selangor Investor Appreciation Award 2018*", Anugerah "*National Scroll of Honour Award*" dan naiktaraf MDKL ke Majlis Perbandaran Kuala Langat. | **Makluman** |
| | 2.2 | Mesyuarat "Town Hall" Bersama Penduduk-Penduduk Di Zon Selatan telah diadakan pada 9 Disember 2019 di Dewan Orang Ramai Bukit Changgang. Sempena naiktaraf MDKL ke Majlis Perbandaran, penduduk mengharapkan peningkatan dari segi perkhidmatan. Antara isu yang dibangkitkan ialah berkenaan kenaikan cukai taksiran. Ada pihak yang bersetuju dan tidak bersetuju dalam hal ini. Oleh itu, beliau berharap Ahli-Ahli Majlis dapat memainkan peranan dan menyampaikan maklumat yang tepat kepada penduduk. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.3 | Pihak Majlis telah merancang banyak perkara untuk tahun 2020. Antaranya pelan strategik tahun 2020-2025. Perkara ini akan dibincangkan bersama Mesyuarat Sasaran Kerja Tahun 2020 dan juga Bengkel Perbandaran Kuala Langat. | **Makluman** |
| | 2.4 | Berkenaan naiktaraf MDKL ke Majlis Perbandaran, dimaklumkan perkara ini sedang menunggu pewartaan daripada Kerajaan Negeri. Beliau juga memaklumkan pada tahun hadapan, pihak Majlis akan mewartakan semua tempat parkir secara berperingkat. | **Makluman** |
| | 2.5 | Program pemutihan kilang-kilang haram akan diadakan pada tahun 2020. Pihak Majlis juga telah mengadakan satu program Pertemuan Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar Dengan MDKL – Jawatankuasa Kecil Pemulihan Projek Terbengkalai Peringkat PBT pada 18 Disember 2019. | **Makluman** |
| **3.0** | **LAPORAN BAGI KERJA UJIAN SEMULA PIT DAN PDA UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BARU PEJABAT 9 TINGKAT DI ATAS LOT PT 2164, SEKSYEN 3, BANDAR BANTING, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT** | | |
| | 3.1 | Taklimat telah dibentangkan untuk makluman mesyuarat seperti di **Lampiran A**. | **Makluman** |
| | 3.2 | <u>*Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli mesyuarat*</u><br>i. Daripada keseluruhan cerucuk yang ditanam, Tuan Pengerusi ingin tahu bilangan cerucuk yang mencapai kedalaman seperti yang ditetapkan.<br>*Dimaklumkan keseluruhan cerucuk yang ditanam tidak mencapai kedalaman yang ditetapkan di mana cerucuk sedia ada hanya sedalam 26 meter berbanding 45 meter yang ditetapkan.*<br>ii. Berkenaan cadangan untuk menurunkan kapasiti cerucuk sedia ada iaitu sebanyak 50% dan menambah cerucuk di sekelilingnya, Encik Teh Eng Teck ingin tahu kaedah yang sesuai untuk penanaman cerucuk tersebut. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *Dimaklumkan kaedah yang sesuai untuk penanaman cerucuk adalah menggunakan kaedah 'bored pile'.*<br><br>iii. Mesyuarat dimaklumkan rekabentuk yang baru memakan masa selama 1 bulan manakala kerja-kerja penanaman cerucuk memakan masa selama 2 bulan.<br><br>iv. Tuan Setiausaha memaklumkan satu perbincangan akan diadakan pada 20 Disember 2019 melibatkan pihak konsultan, jurutera dan Juruukur Bahan.<br><br>v. Encik Teh Eng Teck memaklumkan pihak kontraktor pernah mengemukakan laporan ujian PDA dan PIT kepada konsultan yang menyatakan tiada sebarang masalah. Oleh itu, satu tindakan perlu diambil terhadap pihak terbabit. | |
| **4.0** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT** | | |
| | **4.1** | **MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 11 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 NOVEMBER 2019** | |
| | | Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Hamzah bin Abu Bakar tanpa sebarang pindaan. | **Makluman** |
| **5.0** | **PERKARA-PERKARA BERBANGKIT** | | |
| | 5.1 | **<u>Laporan Pelaksanaan Pengurusan Kutipan Sampah Pukal Di Kawasan Majlis Daerah Kuala Langat</u>**<br><br>Laporan telah dibentangkan kepada ahli mesyuarat. Dimaklumkan Perjumpaan Kontraktor Sampah Pukal Bersama YB. ADUN dan Ahli-Ahli Majlis akan diadakan pada 31 Disember 2019.<br><br>*Puan Siti Nor Eaini mencadangkan sampah pukal di kawasan taman dikumpulkan di satu tempat pada hari kontraktor masuk ke taman.*<br><br>*Encik Wong Kim Loon mencadangkan laporan kutipan sampah pukal dibentangkan dalam Mesyuarat* | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *Jawatankuasa Pengindahan Bandar pada setiap bulan. Beliau juga mencadangkan pihak kontraktor menghantar gambar kepada pihak jabatan setiap kali selesai menjalankan kerja dan seterusnya dipanjangkan kepada Ahli Majlis.* | |
| | 5.2 | **<u>Aduan Bau Busuk Dari Tapak Pelupusan Sampah Tanjung Dua Belas Di Kawasan Tanjung Sepat</u>**<br><br>Encik Wong Kim Loon memaklumkan bau busuk di kawasan Tanjung Sepat semakin teruk terutamanya selepas waktu hujan. Beliau juga ingin tahu kapasiti untuk menampung sampah di tapak pelupusan Tanjung Dua Belas.<br><br>*Pengarah JPSPKP memaklumkan beliau ada menghadiri mesyuarat bersama Jabatan Alam Sekitar yang turut melibatkan pengendali tapak pelupusan sampah. Dimaklumkan terdapat pertambahan melebihi kebiasaan bagi kapasiti sampah harian. Beliau juga mencadangkan pihak Worldwide dijemput hadir dalam mesyuarat untuk memberikan penerangan berkenaan perkara ini.* | **Makluman** |
| **6.0** | **MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:** | | |
| | **6.1** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 12 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 DISEMBER 2019** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |
| | **6.2** | **MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 12 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 DISEMBER 2019** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 6.3 | **MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 12 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 DISEMBER 2019** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |
| | i. | Tuan Pengerusi memaklumkan berkenaan ketidakaktifan beberapa Pengerusi PeBT. Ahli Majlis diharap dapat berbincang dengan mereka dan membuat syor kepada pihak JPM. | **Makluman** |
| | 6.4 | **MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 12 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 DISEMBER 2019** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |
| | 6.5 | **MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 12 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 DISEMBER 2019** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |
| | i. | <u>**Perkara 3.2 (m.s.4)**</u><br><br>Encik Gan Yee Chin mohon penambahan kekerapan pemantauan di Bandar Mahkota berikutan terdapat lori membawa bahan binaan melalui kawasan taman pada waktu malam. | **JPK/JK** |
| | ii. | <u>**Perkara 4.1 (m.s.4)**</u><br><br>Encik Gan Yee Chin ingin tahu berkenaan caj RM1.00 yang dikenakan kepada warga asing yang menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor.<br><br>*Dimaklumkan caj RM1.00 tersebut akan disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri.* | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | iii. | <u>**Perkara 5.4.1 (m.s.8)**</u><br><br>Encik Wong Kim Loon ingin tahu status pembinaan gerai di Jeti Tanjung Sepat.<br><br>*Dimaklumkan kemajuan pelaksanaan di tapak adalah sebanyak 95% dan pihak kontraktor telah memohon lanjutan masa kerana faktor cuaca.* | **Makluman** |
| | **6.6** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 12 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 DISEMBER 2019** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |
| | **6.7** | **MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 12 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 DISEMBER 2019** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |
| | i. | <u>**Perkara 4.3.1 (m.s.7)**</u><br><br>Encik Ang Eu Liang ingin tahu bayaran untuk pengeluaran lesen sementara kepada kilang-kilang haram.<br><br>Beliau juga ingin tahu berkenaan caj sewaan gerai MDKL dan dimaklumkan penyewa perlu membayar deposit sebanyak tiga bulan dan membuat tuntutan semula selepas itu.<br><br>*Pengarah JPL memaklumkan lesen sementara yang dikeluarkan kepada premis untuk mematuhi syarat-syarat teknikal dalam tempoh enam bulan. Sekiranya mereka tidak dapat mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas tempoh tersebut, lesen sementara akan dibatalkan. Berikut adalah caj bayaran lesen sementara iaitu premis sebanyak RM100.00 bagi tempoh dua bulan dan kilang sebanyak RM200.00 bagi* | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *tempoh dua bulan.*<br><br>*Pengarah JPPH memaklumkan Mesyuarat Cagaran yang dipengerusikan oleh Pengarah JP telah memutuskan penyewa boleh membuat tuntutan deposit lama dan membayar deposit baru. Tuntutan deposit akan diproses dalam tempoh sebulan.* | |
| | ii. | **<u>Perkara 5.1.1 (m.s.14)</u>**<br><br>Encik Ang Eu Liang memaklumkan akhbar Sin Chew Daily telah mengeluarkan berita berkenaan operasi yang dijalankan oleh pihak JAS, MDKL dan Persatuan NGO di lima lokasi. Akhbar tersebut menyatakan pihak Majlis telah mengeluarkan lesen sementara kepada kilang-kilang haram tanpa kelulusan JAS. Turut dinyatakan dalam akhbar tersebut bahawa pegawai MDKL telah memberikan maklumat kepada pekilang-pekilang yang tidak mempunyai penapis dan sebagainya, mereka perlu berbincang dengan pihak Persatuan NGO.<br><br>*Pengarah JPK memaklumkan operasi tersebut diaturkan oleh pihak JAS. Lesen sementara yang dikeluarkan adalah untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JAS. Beliau juga tidak mengetahui berkenaan kenyataan pegawai MDKL seperti yang dimaklumkan dalam akhbar tersebut.*<br><br>*Encik Teh Eng Teck memaklumkan kenyataan dari akhbar Sin Chew Daily perlu dibetulkan semula.* | **Makluman** |
| | iii. | Puan Siti Nor Eaini memaklumkan projek perumahan baru di Jalan Perepat dan Jalan Pusara, Telok Panglima Garang masih beroperasi walaupun telah diberikan notis 'stop work' kerana pemaju tidak menyediakan saliran longkang. Beliau juga memaklumkan berkenaan kawasan kampung yang dilanda banjir apabila perumahan baru didirikan. | **JPK/JKB** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7.0 | **MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:** | | |
| | 7.1 | **MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 21 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 NOVEMBER 2019** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |
| | 7.2 | **MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 22 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN 22 NOVEMBER 2019** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |
| 8.0 | **PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN** | | |
| | 8.1 | **<u>KERTAS MESYUARAT NO.1</u>**<br>**PEMBAYARAN BANTUAN KEWANGAN KHAS (BKK) KALI KEDUA TAHUN 2019 BERDASARKAN PRESTASI PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**<br>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.<br>*<u>Pemakaian Keputusan</u>*<br>i. **Kelayakan**<br>Anggota yang layak dibayar BKK ini adalah seperti berikut:-<br>• Orang Besar Daerah<br>• Ahli Majlis di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)<br>• Pegawai Tetap, Sementara dan Pekerja Sambilan Harian (PSH),<br>• Pegawai yang dilantik di bawah 'Contract of Service' dan 'Contract For Service',<br>• Pegawai yang bercuti separuh gaji<br>• Pegawai yang bercuti bergaji penuh<br>• Pegawai Commisioner of Building (COB) dan One Stop Centre (OSC) PBT<br>ii. **Kadar Bayaran BKK**<br>• Melalui Panel Pembangunan Sumber | **JP** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Manusia (PPSM), Pejabat Setiausaha Kerajan Negeri Selangor dalam mesyuarat bil.3/2019 pada 27 November 2019 di mana Majlis Daerah Kuala Langat telah dikategorikan sebagai Jabatan Melebihi Ekspektasi.<br>• Sehubungan dengan itu, seramai 95% daripada kakitangan keseluruhan akan mendapat bayaran BKK sebanyak 1 bulan gaji manakala baki 5% daripada kakitangan akan mendapat bayaran BKK sebanyak RM500.<br>• Ahli Majlis di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mendapat bayaran BKK sebanyak 1 bulan gaji.<br>• Pegawai OSC di PBT akan mendapat bayaran BKK sebanyak 1 bulan gaji.<br>iii. Manakala anggota yang tidak layak dibayar BKK dan dimasukkan dalam kategori penetapan kuota 5% tanpa bayaran minimum RM500 adalah seperti berikut:-<br>• Pegawai yang bercuti tanpa gaji (CTG) sepanjang tempoh 1 Jun 2019 hingga 31 Disember 2019.<br>• Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Jun 2019 hingga 31 Disember 2019.<br>• Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Jun 2019 hingga 31 Disember 2019<br>• Pegawai yang sedang menjalani hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Jun 2019 hingga 31 Disember 2019.<br>iv. Pegawai yang ditangguhkan pemberian BKK dan dimasukkan dalam kategori penetapan kuota 5% dengan bayaran minimum RM500.00 ini adalah pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan pada atau sebelum 31 Disember 2019 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib. Pegawai hanya layak dibayar BKK sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah. | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | **KEPUTUSAN MESYUARAT**<br><br>Mesyuarat bersetuju **meluluskan** kertas mesyuarat ini. | |
| | 8.2 | **KERTAS MESYUARAT NO.2**<br><br>**SIJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**<br><br>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk makluman mesyuarat.<br><br>*Penyata Prestasi Kewangan*<br><br>Hasil Majlis Daerah Kuala Langat bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM80,710,931 dan jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM67,370,099. Jumlah ini menunjukkan lebihan sebanyak RM13,340,832.<br><br>**KEPUTUSAN MESYUARAT**<br><br>Mesyuarat **mengambil maklum** kertas mesyuarat ini. | JP |
| | 8.3 | **ADDENDUM NO.1**<br><br>**PEMAKLUMAN KAWASAN OPERASI TEMPAT LETAK KERETA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**<br><br>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk makluman mesyuarat.<br><br>*Ringkasan Isu Berdasarkan Kajian*<br><br>i. Penambahbaikan penyediaan tempat letak kenderaan awam di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kuala Langat adalah berdasarkan beberapa isu berikut:<br>• Lot tempat letak kereta/motor tidak disediakan di kawasan jalan pekan sedia ada.<br>• Penyediaan lot parkir motosikal di belakang premis perniagaan yang dilihat kurang sesuai.<br>• Kereta yang diletakkan daripada 60° kepada 180° di kawasan parkir kereta yang meletakkan pada kedudukan 60° menyebabkan ruang lalu lintas di jalan dua hala menjadi sempit.<br>• Pembinaan '*ramp*' di hadapan kedai yang | JP |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | menghalang orang awam menggunakan petak letak kereta.<br>• Salah guna petak letak kereta di hadapan premis perniagaan untuk tujuan operasi perniagaan.<br>• Pembinaan '*ramp*' dan tangga kecemasan di lorong belakang premis perniagaan yang menghalang orang awam menggunakan petak letak kereta.<br>• Kesesakan lalulintas di jalan dua hala di sesetengah kawasan perniagaan terutama pada waktu puncak yang kadangkala menyebabkan perlanggaran.<br><br>*Penambahbaikan Berdasarkan Isu*<br><br>Berdasarkan isu yang telah dikaji tersebut, cadangan penambahbaikan bagi cadangan penyelesaian isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:<br>• Menyediakan lot parkir kereta/motor di kawasan tumpuan yang sesuai.<br>• Menggantikan lot parkir motosikal kepada lot parkir kereta.<br>• Menukar kedudukan tempat letak kereta kepada darjah yang lebih sesuai bagi mengelakkan kesesakan di kawasan tertentu.<br>• Mewajibkan sewa khas kepada pemilik perniagaan yang menggunakan sepenuhnya tempat letak kereta di hadapan premis bagi tujuan perniagaan seperti bengkel kenderaan, kedai tayar, kedai aksesori dan kedai cuci kenderaan.<br>• Membatalkan penggunaan lot parkir awam di lorong belakang kedai.<br>• Menukar laluan arah lalu lintas daripada dua hala kepada satu hala.<br><br>**KEPUTUSAN MESYUARAT**<br><br>Mesyuarat **mengambil maklum** kertas mesyuarat ini. | |

| 9.0 | UCAPAN PENANGGUHAN | | |
|---|---|---|---|
| | Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Low Kok Hua, | | |
| | i. | Beliau mengucapkan selamat sejahtera kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan. | **Makluman** |
| | ii. | Terlebih dahulu beliau mengucapkan terima kasih dan memanjatkan rasa syukur kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada mesyuarat hari ini.<br><br>Mencari Timba Si Anak Dara,<br>Di Bawah Sarang Burung Tempua,<br>Salam Sembah Pembuka Bicara,<br>Selamat Datang Untuk Semua. | |
| | iii. | Beliau juga mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan pihak Kerajaan yang telah melantik beliau sebagai Ahli Majlis dan beliau berjanji akan melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini sebaik mungkin. Beliau akan berusaha untuk melakukan pradigma dan perubahan dalam tugas dan tanggungjawab. Perubahan ini beliau namakan perubahan ABC iaitu *'Attitude'*, *'Believe'* dan *'Commitment'*. | |
| | iv. | Kita semua harus sedar bahawa kesedaran rakyat masa kini terhadap kecanggihan dunia teknologi maklumat (IT) terlalu terkedepan. Untuk itu, beliau selaku Ahli Majlis juga perlu mempunyai pengetahuan tinggi terhadap ilmu IT ini. Beliau akan cuba menggunakan kemudahan IT untuk memaklumkan setiap program kemasyarakatan dan juga tugas-tugas Ahli Majlis serta MDKL itu sendiri. Semoga MDKL dan Ahli-Ahli Majlis akan lebih maju selaras dengan kemajuan teknologi maklumat pada tahun 2020. | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | v. | Berikut adalah beberapa program besar yang telah beliau laksanakan di zon beliau:<br><br>• Bicara Tentang Kanser – Cegah Awal Selamatkan Nyawa pada 18 Ogos 2019 (anjuran bersama PWB Dengkil dan MPP Zon 21 serta PKD Kuala Langat).<br>• Kursus Pengendalian Makanan pada 13 Oktober 2019 (anjuran bersama MPP Zon 21 dan PWB Dengkil dengan kerjasama KKM).<br>• Eco Explorace – Jejak Alam di Paya Indah Wetland pada 24 November 2019 (anjuran bersama Pusat Pakaian Hari-Hari, Paya Indah Wetland dan Exco Negeri Selangor, MPP Zon 3, 4,11,12 dan 21.<br>• Program Town Hall Zon Selatan pada 9 Disember 2019 Di Dewan Orang Ramai Bukit Changgang.<br>• Gamuda Cove Project - Projek pembangunan perumahan komersial kemudahan awam dan infrastruktur di tanah berkeluasan 1,529.58 ekar. | **Makluman** |
| | vi. | Beliau memaklumkan bahawa dua syarikat iaitu Gamuda Cove dan Syarikat First Allied Holdings Sdn. Bhd. bercadang untuk memajukan Paya Indah Wetland, Dengkil dan dijadikan sebagai Pusat Eco Pelancongan dan Peranginan (berbentuk taman tema air dan eco resort). Kawasan yang berkeluasan 1359.30 ekar itu amat sesuai dengan lokasinya untuk dimajukan sebagai pusat pelancongan dan dapat menjana pendapatan MDKL. | |
| | vii. | Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan naiktaraf MDKL ke MPKL. Beliau berharap untuk tahun 2020, semua warga MDKL dan Ahli-Ahli Majlis diberi pemeriksaan kesihatan badan setahun sekali dan Ahli-Ahli Majlis dibekalkan sebuah mesin pencetak berwarna untuk kemudahan kerja. Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada MDKL atas penganugerahan Sijil Audit Bersih Kewangan. Diharap kejayaan ini dapat diberikan insentif bonus sebanyak sebulan gaji kepada warga kerja MDKL dan Ahli–Ahli Majlis memandangkan bajet yang lepas telah meluluskan perkara ini. | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | viii. | Akhir kata, beliau memohon ampun dan maaf sekiranya ada kesilapan dan terkasar bahasa sepanjang beliau menjadi Ahli Majlis dan beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun,<br><br>Dari Kedah Ke Pekan Sari,<br>Beli Suasa Di Kota Tinggi,<br>Selesai Sudah Tugas Diberi,<br>Dilain Masa Bersua Lagi.<br><br>Beliau juga mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas dan Tahun Baru 2020. Semoga tahun 2020 memberi lebih kemakmuran dan kejayaan kepada semua. | **Makluman** |
| **10.0** | | **UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI** | |
| | | Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. | **Makluman** |

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh : 24 Disember 2019

**MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**

**BILANGAN 12 TAHUN 2019**

Disemak oleh :

.................................................................

**(MOHD YASIN BIN ALWI,** *A.I.S.***)**
Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :

.................................................................

**(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID,** *S.I.S.,P.P.T.***)**
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh ..............................................
dan disokong oleh ..........................................................................................

**PETUNJUK :**

| | | |
|---|---|---|
| 1. JKP | - | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN |
| 2. JP | - | JABATAN PERBENDAHARAAN |
| 3. JPPH | - | JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA |
| 4. JPL | - | JABATAN PELESENAN |
| 5. JPP | - | JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN |
| 6. JK | - | JABATAN KEJURUTERAAN |
| 7. JKB | - | JABATAN KAWALAN BANGUNAN |
| 8. JL | - | JABATAN LANDSKAP |
| 9. JPM | - | JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT |
| 10. JPK | - | JABATAN PENGUATKUASAAN |
| 11. JPSPKP | - | JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN |
| 12. BTM | - | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| 13. UU | - | UNIT PERUNDANGAN |
| 14. UAD | - | UNIT AUDIT DALAM |
| 15. OSC | - | UNIT PUSAT SETEMPAT |
| 16. PRO | - | UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM |
| 17. COB | - | UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN |
| 18. UPUB | - | UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN |

*lynda/mesyuarat mdkl 12/2019*